

## **Kementerian Perpaduan Kumpul Idea Rakyat Rencana Konsep Keluarga Malaysia**

**KUANTAN, 15 NOVEMBER 2021** : Kementerian Perpaduan melancarkan Sesi Maklumbalas Rakyat Kami @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia Dan Program Pemerkasaan Skwad Unity RT Cares.

Sesi maklumbalas ini bertujuan mendapatkan idea dan pandangan rakyat berkenaan program serta aktiviti yang dapat direncanakan bagi merealisasikan konsep Keluarga Malaysia.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB. Datuk Halimah Mohamed Sadique dengan memilih Daerah Bentong sebagai destinasi pertama pelaksanaan sesi maklumbalas berkenaan.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Hajah Shahaniza Shamsuddin.

Majlis yang dilancarkan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Bentong itu akan diteruskan di setiap pelusuk negara dalam usaha merencanakan konsep Keluarga Malaysia.

Idea Keluarga Malaysia telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob selepas dilantik sebagai Perdana Menteri Kesembilan pada Ogos lepas.

Konsep tersebut bertunjangkan nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam mencapai kemajuan yang lebih tinggi menerusi Keluarga Malaysia yang lebih inklusif dengan semangat sebuah keluarga. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#PahangGo**

**Oleh : Fansurina Abdullah**

(LIPUTAN BERGAMBAR)

